

Artikel

Tahap Pengetahuan Patriotisme Pemimpin Sekolah Agama di Malaysia

(Knowledge Level of Patriotism of Religious School Leaders in Malaysia)

Mohd Nashahrudin bin Mat Daud^{1*} & Mohd Sobhi bin Ishak²

¹ Institut Aminuddin Baki (IAB), 71760 Bandar Enstek Negeri Sembilan, Malaysia

² Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Malaysia

Pengarang Koresponden: mohdnashahrudin@iab.edu.my

Abstrak: Dewasa ini wujud pelbagai bentuk tindakan dan provokasi yang bertentangan dengan budaya dan nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat Malaysia terutama golongan pemimpin sekolah yang dikatakan tidak patriotik. Makalah ini memberi tumpuan mengenai kesedaran pemimpin sekolah agama yang terdiri daripada Sekolah Menengah Agama (SMA), Sekolah Bantuan Agama Kerajaan (SABK) terhadap tahap pengetahuan pemimpin sekolah agama berkenaan pengetahuan nilai patriotisme. Masalah kurangnya kesedaran terhadap nilai patriotisme sudah tentu akan menggugat dan menghalang penerapan, pemupukan nilai dan semangat patriotisme sebagai unsur pembentukan sebuah negara bangsa Malaysia yang harmonis dan bersatu padu. Seramai 263 pemimpin sekolah agama di Malaysia terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian ini diperoleh melalui soal selidik yang dianalisis secara deskriptif. Keseluruhan pengukuran instrumen iaitu konsep patriotisme dan patriotisme dalam perlembagaan yang menjadi konstruk utama untuk menilai tahap pengetahuan pemimpin sekolah agama berkenaan patriotisme. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kesedaran pemimpin sekolah agama terhadap nilai patriotisme adalah tinggi. Tahap kesedaran pemimpin sekolah terhadap patriotisme dalam perlembagaan turut metinggi dan menunjukkan bahawa pemimpin sekolah agama yang berjiwa patriotik mampu menjadi faktor perantara atau agen perubahan terhadap ikatan perpaduan masyarakat dan murid-murid pelbagai etnik di Malaysia.

Kata Kunci: Patriotisme, Perpaduan, Pemimpin Sekolah Agama.

Abstract: Nowadays, there are various forms of actions and provocations that are against the culture and values of patriotism among the Malaysian community, especially school leaders who are said to be unpatriotic. This paper focuses on the awareness of religious school leaders which consists of Religious Secondary Schools (SMA), Government Religious Aid Schools (SABK) regarding the level of knowledge of religious school leaders regarding the knowledge of patriotism. The problem of lack of awareness of the value of patriotism will certainly challenge and prevent the application, nurturing of values and the spirit of patriotism as an element in the formation of a harmonious and united Malaysian nation. A total of 263 religious school leaders in Malaysia were involved in this study. The results of this study were obtained through a questionnaire that was analyzed descriptively. The overall measurement of the instrument, which is the concept of patriotism and patriotism in the constitution, which is the main construct to assess the level of knowledge of religious school leaders regarding patriotism. The results of this study show that the religious school leadership's awareness of the value of patriotism is high. The level of school leaders' awareness of patriotism in the constitution is also high and shows that religious school leaders who are patriotic are capable of being an intermediary factor or agent of change towards the bond of community unity and students of various ethnicities in Malaysia.

Keywords: Patriotism, Unity, Religious School Leaders

Pengenalan

Sistem pendidikan merupakan asas penting bagi melahirkan modal insan pembina tamadun negara di masa hadapan. Selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara dan teras Dasar Pendidikan Kebangsaan, sekolah menyediakan pendidikan yang komprehensif bagi memenuhi keperluan murid daripada pelbagai latar belakang kaum, etnik, agama, bahasa, budaya, jantina dan sosioekonomi bagi merealisasikan semangat patriotisme dan perpaduan yang utuh di Malaysia.

Patriotisme boleh diertikan kecintaan dan kesetiaan kepada negara dengan menitikberatkan perpaduan dalam seluruh aspek pembangunan dan sosial negara. Semangat patriotisme juga akan melahirkan masyarakat yang beradab sehingga dapat menempuh segala cabaran dan ancaman di era ini (Hasnah, 2009). Manakala menurut Muhamad Ali Embi (2009), kecintaan kepada negara bukan hanya setakat ungkapan dibibir semata-mata atau hanya bersifat simbolik seperti menghormati simbol-simbol negara, iaitu lagu dan bendera sahaja. Malah lebih dari itu kecintaan kepada negara boleh ditunjukkan dengan pelbagai cara.

Oleh itu, apa-apa sahaja yang kita lakukan demi yang menunjukkan tahap kecintaan dan keperihantinan kita untuk negara boleh sahaja dianggap sebagai patriotisme. Menurut Hasni, W., Raja, Y. M., & Kadir, R. (2013) pula menegaskan bahawa unsur-unsur sejarah memainkan peranan yang sangat penting dalam memupuk amalan patriotisme dalam kehidupan murid. Pemimpin sekolah khusus juga harus menunjukkan kualiti pengurusan yang terbaik dalam menguruskan patriotisme dan perpaduan di sekolah. Sebagai rakyat Malaysia dan sebagai masyarakat majmuk yang mengamalkan pelbagai amalan agama dan budaya yang berbeza.

Kajian Nazri Muslim (2013), membuktikan bahawa semangat patriotisme yang ditunjukkan oleh generasi terdahulu yang sanggup berkorban demi mempertahankan negara adalah contoh yang terbaik untuk dijadikan panduan dan asas dalam perlembagaan yang membuktikan bahawa elemen patriotisme dalam kandungan tersebut. Kajian Haminah Suhaibo (2007), mengenai peranan pemimpin sekolah dalam memupuk semangat patriotisme dalam kalangan murid-murid di sekolah. Kajian tersebut mendapati wujud ketidakupayaan dalam kalangan guru-guru untuk menterjemahkan elemen-elemen patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pemimpin sekolah perlu untuk membugarkan semangat patriotisme dalam kalangan warga sekolah agar semangat patriotisme sentiasa subur.

Oleh itu, penyelidikan ini mengenal pasti tahap kefahaman pemimpin sekolah agama terhadap konsep patriotisme. Menenal pasti tahap pengetahuan pemimpin sekolah agama terhadap konteks patriotisme dalam perlembagaan. Justeru itu, dapatan kajian ini akan menjawab objektif kajian yang dijalankan dan menjadi tujuan utama penulisan artikel ini.

Sorotan Literatur

Patriotisme berasal daripada bahasa Greek, iaitu patriotes yang bermaksud fellow countrymen, iaitu rakan senegara dan patrice yang bermakna *fatherland* atau *country*, iaitu tanah air atau negara (Nazri Muslim dan Jamsari, 2004). Patriotisme merupakan unsur ketahanan nasional yang amat penting bagi meningkatkan komitmen dan tanggungjawab rakyat terhadap bangsa dan negara.

Menurut Bas, M. (2016) pula menyatakan patriotisme merupakan amalan kebajikan, tanggungjawab dan keperluan masyarakat. Elemen ini amat penting untuk dipupuk dan dibangunkan bagi membentuk sebuah masyarakat yang produktif dan berhemah tinggi. Unsur-unsur patriotisme diterapkan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, bersemangat kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif ke arah mencapai matlamat dan aspirasi negara. Istilah-istilah yang diunjurkan bersinonim dengan ideologi memupuk sikap bangga terhadap identifikasi dan pencapaian budaya bangsa (Irma Wani, O., Hasbullah, A., Muhammad Safuan, Y., dan Herlina, J. 2017). Natijah, seseorang itu dianggap berjiwa patriotik apabila kepercayaan, amalan dan tindakannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Aziz, Abd Rahman Abd, 2009).

Patriotisme dalam kalangan pemimpin sekolah seringkali diperdebatkan dalam wacana ilmu. Pemupukan nilai-nilai moral dan etika, kecemerlangan dalam semua aspek serta sumbangan yang berjiwa

merdeka dan sayangkan negara dalam semua agenda pembangunan negara adalah menjadi hasrat pihak pemerintah dan tanpa mengira bangsa, agama, asal keturunan mahupun perbezaan warna kulit. Agenda untuk mencapai kecemerlangan ini sebenarnya wujud secara semula jadi dalam diri manusia yang cintakan tanah air. Sambutan bulan kebangsaan yang sunngul ekoran kibaran jalur gemilang yang tidak mendapat sambutan memberi satu gambaran yang jelas dan membuktikan bahawa penghayatan nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat di Malaysia masih rendah termasuk golongan muda yang dianggap tidak menjiwai dan tidak mempunyai semangat serta penghayatan nilai patriotisme yang tinggi (Teo Kok Seong, 2022).

Menurut Johari, M.E., & Muhamad, N, (2022) patriotisme amat penting bagi membina profesionalisme dan kecakapan khususnya peranan Guru Pendidikan Islam dan ia juga penting untuk pembinaan jati diri murid Islam dalam membina pengetahuan yang tepat serta kefahaman yang tepat berkenaan tuntutan patriotisme berdasarkan anjuran agama. Kepentingan patriotisme dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah amat jelas dan dilihat kritikal atas faktor keselariannya dengan kedudukan Islam selaku agama persekutuan di Malaysia dan tuntutan syarak yang sememangnya menggariskan patriotisme sebagai elemen penting pembinaan bangsa Malaysia.

Pendedahan yang diterima oleh guru-guru pengkhususan sejarah semasa mengikuti kursus perguruan membekalkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya untuk mereka melaksanakan penerapan nilai patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) sejarah. Oleh itu, adalah mustahak guru-guru yang mengajar sejarah adalah terdiri daripada kalangan guru-guru pengkhususan sejarah itu sendiri. Dalam kajian ini telah mendedahkan kelemahan guru-guru bukan pengkhususan dalam penerapan patriotisme. Perkara ini perlu diambil serius oleh pihak-pihak berkepentingan seperti KPM, JPN, PPD dan pihak sekolah untuk merancang pelan tindakan bagi mengatasi masalah ini sebelum terlambat. Semua guru sejarah perlu diberikan kesedaran terhadap kepentingan penerapan patriotisme sebagai amalan yang perlu dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Selain itu, strategi, pendekatan, kaedah dan teknik penerapan patriotisme yang digunakan juga perlu ditingkatkan supaya setiap nilai yang diterapkan memberi kesan yang mendalam dalam jiwa para pelajar (Jais Abdul Hamid, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Sharifah Darmia Sharif Adam, Budi Anto Mohd Tamring & Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, 2021).

Patriotisme sering juga dikaitkan dengan konsep yang berhubung rapat dengan kenegaraan dan pembelajaran. Elemen patriotisme yang berunsurkan kenegaraan perlu dipupuk bagi menyumbang ke arah pembentukan belia, murid, dan pelajar yang lebih produktif dan berhemah tinggi (Mohd Rahimi, Mohd Syarifudin, Abdul Hadi dan Muhammad Shamsinor, 2020).

Penerapan nilai patriotisme dalam media perlu sentiasa dibugarkan, menurut Nur Aishah Zainal, Mohd Azul Mohamad Salleh & Wan Amizah Wan Mahmud (2020) media baharu memainkan peranan besar dalam membantu meningkatkan tahap patriotisme belia di negara ini. Penggunaan media baharu menjadi satu saluran yang paling tepat untuk memberikan pengetahuan dan sekaligus meningkatkan kesedaran kepada setiap individu untuk menghayati setiap paparan maklumat yang disampaikan.

Oleh yang demikian, dalam konteks untuk mencapai kecemerlangan ini, pelbagai aspek perlu diambil kira. Pada peringkat yang paling asas dalam usaha untuk mencapai agenda pembangunan negara, soal kesejahteraan dan pembangunan masyarakat perlu diberikan perhatian khusus. Malaysia yang dikenali sebagai sebuah negara yang majmuk kini terarah untuk mendaulatkan pembentukan sebuah negara bangsa. Menurut Mohamad Khairi dan Asmawati (2010) warga pendidik perlu mempunyai nilai dan semangat patriotisme. Pendidikan tidak akan bermakna dan sempurna sekiranya tidak diintegrasikan dengan penerapan semangat patriotisme. Nilai dan semangat patriotisme akan mempengaruhi cara seseorang berfikir, bertindak laku dan bertindak dalam mencorakkan kebudayaan dan norma sesebuah masyarakat dalam menuju sebuah negara yang berdaulat.

Pemimpin sekolah mempunyai tanggungjawab besar sebagai agen penyatuan dan penerapan nilai patriotisme dalam kalangan warga sekolah. Peranan pemimpin sekolah agama sebagai penggerak dan penyuntik elemen sayangkan tanah air dan penerapan semangat patriotisme serta kesediaan menerima perbezaan dalam kalangan warga sekolah yang pelbagai etnik amatlah penting. Kelangsungan, kestabilan


negara terletak pada kelangsungan hubungan yang baik antara pelbagai etnik. Menurut Ahmad Ali Seman (2015) menilai kembali agenda hubungan etnik dalam pendidikan dengan objektif melihat peranan pemimpin sekolah dan warga sekolah khususnya guru untuk menjayakan konsep hubungan etnik kepada pelajar melalui Modul Kepelbagaian Budaya dengan memasukkan elemen etnisiti.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menerusi kaedah tinjauan deskriptif melalui data kajian secara empirikal dan diakhiri dengan penganalisan secara perisian SPSS versi 20.0 untuk membuat rumusan mengenai data numerikal iaitu bagi menjelaskan demografi sampel kajian dan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian berdasarkan skor min. Kaedah tinjauan merupakan prosedur penyelidikan kuantitatif di mana penyelidik mentadbir tinjauan ke atas sampel atau populasi bagi memerihalkan sikap, pendapat, kelakuan, atau watak subjek kajian. Ia merupakan kaedah yang terbaik untuk memungut data yang asli daripada populasi yang besar melalui teknik pensampelan dan dapatan daripada kaedah tinjauan boleh digeneralisasikan dari sampel kepada populasi. Kaedah tinjauan ini amat sesuai dijalankan ke atas subjek yang besar terutama sekali para pelajar dan guru dan ia telah memberi sumbangan yang banyak kepada peningkatan teori-teori akademik dan kesedaran.

Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi pemimpin sekolah terhadap elemen-elemen yang berkaitan dengan tahap pengetahuan berkenaan patriotisme. Secara lebih khususnya, pengkaji cuba mengenal pasti tahap pengetahuan patriotisme dalam kalangan pemimpin sekolah agama berkenaan konsep patriotism, patriotisme dalam perlembagaan yang mampu memupuk perpaduan di sekolah ke arah mewujudkan keharmonian dalam kalangan warga sekolah itu sendiri. Maka pembinaan kerangka konseptual ini adalah sebagai asas kajian untuk memberi gambaran menyeluruh tentang pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan tinjauan literatur, pengkaji menggabungkan elemen-elemen yang bersesuaian bagi menentukan konstruk-konstruk kajian. Kerangka konseptual bagi kajian ini adalah seperti yang digambarkan dalam Rajah 1 di bawah.

Rajah 1. Kerangka konseptual kajian



Sumber: Hussien (1993)

1. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Ia juga merujuk kepada cara penyelidik mengendalikan kajian, dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian. Tujuan reka bentuk kajian adalah untuk mengawal punca-punca bias yang boleh mengganggu dapatan kajian.

2. Pensampelan

Pengkaji telah berusaha untuk mendapatkan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang boleh mewakili populasi agar mencapai sasaran sebagai penentu kepada parameter keseluruhan populasi. Pengkaji telah melaksanakan teknik pensampelan *nonprobability purposive* sampling. Jumlah populasi pemimpin sekolah agama di seluruh Malaysia dalam kajian ini adalah seramai 570 orang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022). Populasi pemimpin sekolah agama Kementerian Pendidikan Malaysia yang terdiri daripada Sekolah Menengah Agama (SMA), Sekolah Bantuan Agama Kerajaan (SABK) seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Menurut Creswell, John W., and J. David Creswell. (2018) jumlah minima sample kajian adalah

seramai 30 orang. Pemimpin sekolah agama SMKA, dan SABK, yang menjawab instrument kajian ini adalah seramai 263 orang. Dapatan kajian lepas antara tahun 2017-2022 menunjukkan bahawa kajian berkaitan dengan patriotisme belum pernah dilaksanakan terhadap pemimpin sekolah agama SMKA, dan SABK sedangkan penerapan semangat patriotisme amat penting untuk disemai dalam kalangan semua masyarakat termasuk pemimpin sekolah agama.

3. Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan satu (1) set soal selidik dijawab oleh pemimpin sekolah agama sebagai responden. Soal selidik ini mengandungi dua (2) bahagian iaitu satu (1) konstruk demografi dan bahagian dua (2) konstruk berkenaan dengan patriotisme. Lapan (8) item berkaitan demografi, lima (5) item yang berkaitan konsep patriotisme dan lima (5) item patriotisme dalam perlembagaan yang diukur.

4. Kaedah Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dilaksanakan secara dalam talian melalui borang maklum balas secara *google form*.

5. Kaedah Analisis Data

Pengkaji menganalisis data kajian yang diperoleh secara deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 20.0 untuk membuat rumusan mengenai data numerikal iaitu bagi menjelaskan demografi sampel kajian dan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian berdasarkan skor min.

Dapatan Kajian

Dapatan bagi kajian ini dilaporkan dalam dua bahagian iaitu bermula dengan dapatan berkaitan demografi diikuti dengan dapatan analisis deskriptif berdasarkan persoalan kajian. Dalam kajian ini seramai 263 orang responden telah menjawab instrument kajian yang disediakan. Hasil dapatan ditunjukkan berdasarkan jadual 5 dan jadual 6.

1. Data Demografi

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 263 orang pemimpin sekolah iaitu daripada kalangan pengetua dan guru besar sekolah agama yang berkhidmat di sekolah-sekolah di bawah seliaan KPM. Butiran lebih terperinci mengenai responden kajian dihuraikan seperti di bawah.

2. Jantina

Responden kajian ini terdiri daripada 263 orang pemimpin sekolah yang terdiri daripada pengetua dan guru besar. Daripada aspek jantina, jumlah responden lelaki adalah seramai 196 orang (74.52%) manakala responden perempuan pula seramai 67 orang (25.48%). Ringkasnya, bilangan responden lelaki yang terlibat dalam kajian ini adalah lebih ramai berbanding responden perempuan.

Jadual 1. Jantina responden

Jantina	N	Peratus (%)
Lelaki	196	74.52%
Perempuan	67	25.48%
JUMLAH	263	100%

3. Jawatan

Sampel kajian ini terdiri daripada kalangan pemimpin sekolah iaitu pengetua dan guru besar yang merupakan pemimpin sekolah-sekolah agama di Malaysia. Jadual 2 di bawah menunjukkan taburan

responden mengikut jawatan. Berdasarkan analisis yang dijalankan, N = 220 iaitu 83.65% daripada responden kajian adalah terdiri daripada kalangan pengetua iaitu pemimpin di sekolah menengah, manakala N = 43 iaitu 16.34% pula adalah responden kajian terdiri daripada kalangan guru besar yang memimpin sekolah rendah.

Jadual 2. Jawatan responden

Jawatan	N	Peratus (%)
Pengetua	220	83.65%
Guru Besar	43	16.34%
JUMLAH	263	100%

4. Negeri

Jadual 3, pula menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan negeri di mana mereka bertugas. Dalam kajian ini, jumlah responden daripada setiap negeri yang dilibatkan bolehlah dianggap hampir sekata bagi 6 negeri. Daripada jumlah keseluruhan responden (N = 263), bilangan tertinggi iaitu seramai 36 orang (N = 36,13.68%) adalah pemimpin sekolah agama yang berkhidmat di Negeri Kedah, diikuti Johor (N = 34,12.93%), Perak (N=29,11.02%, Kelantan (N= 28,10.64%) Selangor (N=23,8.74%) Terengganu (N=22,8.36%) manakala negeri seperti Melaka, N. Sembilan, Perlis, Pulau Pinang, W. Persekutuan, Sabah dan Sarawak (N= <20, <10%).

Jadual 3. Negeri tempat responden berkhidmat

Negeri	N	Peratus (%)
Johor	34	12.93
Kedah	36	13.68
Kelantan	28	10.64
Melaka	17	6.46
N. Sembilan	13	4.94
Perak	29	11.02
Perlis	8	3.04
Pulau Pinang	16	6.08
Selangor	23	8.74
Terengganu	22	8.36
W. Persekutuan	4	1.52
Sabah	15	5.70
Sarawak	18	6.84
JUMLAH	263	100%

Dapatan Analisis Deskriptif

Pelaporan kajian diteruskan dengan mengemukakan dapatan tentang persepsi pemimpin sekolah agama hasil pengujian statistik menggunakan perisian IBM SPSS versi 20.0. Dapatan analisis deskriptif ini dilaporkan secara berturutan berdasarkan persoalan kajian seperti yang telah dikemukakan dalam subtopik. Pengkaji menggunakan garis panduan ukuran skor min yang dicadangkan oleh Nunnally dan Bernstein (1994) bagi menginterpretasikan nilai min yang diperolehi. Ianya ditunjukkan dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4. Interpretasi skor min

Skor Min	Tafsiran Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah

3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally dan Bernstein (1994)

1. Analisis Konstruk Konsep Patriotisme

Jadual 5. Konstruk konsep patriotisme

No	Item	Kekerapan (%)					Nilai Skor Min	Interpretasi
		STS	TS	KS	S	SS		
1	Saya tahu maksud sebenar patriotisme	-	1 (0.38%)	9 (3.42%)	132 (50.19%)	121 (46.00%)	4.40	Tinggi
2	Saya mengetahui kepentingan rukun negara dalam pemupukan semangat patriotisme	-	2 (0.76%)	8 (3.04%)	112 (42.58%)	141 (53.61%)	4.51	Tinggi
3	Saya boleh melaksanakan agenda patriotisme di organisasi saya	-	2 (0.76%)	8 (3.04%)	131 (50.00%)	122 (46.38%)	4.43	Tinggi
4	Saya dapat menterjemahkan nilai murni dalam kerja buat saya	-	1 (0.38%)	6 (2.28%)	129 (49.04%)	127 (48.2%)	4.46	Tinggi
5	Saya tidak mudah terpengaruh dengan mana-mana kumpulan dalam organisasi saya	-	1 (0.38%)	11 (4.18%)	124 (47.14%)	162 (48.8%)	4.45	Tinggi
Keseluruhan		4.45						Tinggi

Berdasarkan Jadual 5, skor min keseluruhan yang mewakili item tahap pengetahuan patriotisme pemimpin sekolah agama terhadap konsep patriotisme adalah mencatatkan 4.45 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Ini membuktikan pemimpin sekolah agama yang terdiri daripada pengetua dan guru besar sekolah agama menguasai dan menyedari tentang konsep patriotisme.

2. Analisis Konstruk Patriotisme dalam Perlembagaan

Jadual 6. Konstruk patriotisme dalam perlembagaan

No	Item	Kekerapan (%)					Nilai Skor Min	Interpretasi
		STS	TS	KS	S	SS		
1	Saya mengetahui fungsi perlembagaan persekutuan	-	-	1 (0.38%)	76 (28.89%)	186 (70.72%)	4.71	Tinggi
2	Saya memahami	-	1	21	138	103	4.31	Tinggi

	kepentingan perlembagaan persekutuan sebagai seorang pemimpin pendidikan		(0.38%)	(7.98%)	(52.47%)	(39.16%)		
3	Saya dapat menjelaskan konsep kontrak sosial dan perkaitannya dengan perlembagaan persekutuan	-	3 (1.14%)	46 (17.49%)	148 (56.27%)	66 (25.09%)	4.05	Tinggi
4	Saya dapat menghuraikan kerangka asas perlembagaan persekutuan	-	-	36 (13.68%)	137 (52.09%)	90 (34.22%)	4.18	Tinggi
5	Saya bersedia untuk menyebarkan asas perlembagaan persekutuan	-	-	1 (0.38%)	88 (33.46%)	174 (66.15%)	4.66	Tinggi
Keseluruhan							4.38	Tinggi

Berdasarkan Jadual 6, skor min keseluruhan yang mewakili item tahap pengetahuan patriotisme pemimpin sekolah agama terhadap konsep patriotisme adalah mencatatkan 4.38 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Ini membuktikan pemimpin sekolah agama terdiri daripada pengetua dan guru besar sekolah agama menguasai dan menyedari tentang elemen-elemen patriotisme seperti Rukun Negara, Perlembagaan Malaysia, unsur-unsur nasionalisme dalam sistem pentadbiran negara.

Perbincangan Hasil Kajian

Berdasarkan hasil analisis kajian, berikut adalah dapatan dan hasil perbincangan bagi menjawab objektif kajian;

Mengenal pasti tahap kefahaman pemimpin sekolah agama terhadap konsep patriotisme. Berdasarkan Jadual 5, tahap kefahaman pemimpin sekolah agama terhadap konsep patriotisme pada tahap tinggi iaitu nilai skor min berada di antara 4.40-4.51 dalam setiap item konsep patriotisme. Nilai skor min ini adalah merujuk kepada Jadual skor min Nunnally dan Bernstein (1994). Konstruk konsep patriotisme item pengukuran soalan pertama “saya tahu maksud sebenar patriotisme” responden yang setuju 50.19% dan sangat setuju 46%. Skor nilai min pada item soalan pertama adalah 4.40 menunjukkan interprestasi yang tinggi. Soalan pengukuran kedua iaitu, “Saya mengetahui kepentingan Rukun Negara dalam pemupukan semangat patriotisme” terdapat 42.58% setuju dan 50.00% responden sangat setuju. Skor min pada item soalan kedua adalah 4.51 menunjukkan interprestasi yang tinggi. “Saya boleh melaksanakan agenda patriotisme di organisasi saya” responden yang setuju 56.27%. Nilai skor min pada item soalan ketiga adalah 4.43 adalah menunjukkan interprestasi yang tinggi. Ini bermakna pemimpin sekolah agama memahami dan tahu maksud patriotisme dengan baik. Berdasarkan soalan keempat iaitu “Saya dapat menterjemahkan nilai murni dalam kerja buat saya” 49.04% responden setuju dan 48.2%. Nilai skor min pada item soalan keempat adalah 4.46 menunjukkan interprestasi yang tinggi. “Saya tidak mudah terpengaruh dengan mana-mana kumpulan dalam organisasi saya” 48.8% responden sangat setuju dengan item soalan yang ditanya. Nilai skor min adalah 4.45 menunjukkan interprestasi yang tinggi. Dapatan ini selari dengan kajian Wan Hasni (2013), patriotisme telah pun wujud sejak sekian lama di Malaysia, namun pada masa dahulu, ia lebih dikenali dengan nama kepercayaan atau suatu etnosentrisme. Peranan pemimpin sekolah yang amat besar untuk pemupukan dan penerapan nilai patriotisme ini perlu disambut oleh semua

pihak khususnya ibu bapa, pihak berkuasa, masyarakat dan bukan sahaja dibahu pihak sekolah semata-mata agar negara kita kekal aman dan harmonis.

Mengenal pasti tahap pengetahuan pemimpin sekolah agama terhadap konteks patriotisme dalam perlembagaan. Berdasarkan Jadual 6, tahap pengetahuan pemimpin sekolah agama terhadap konteks patriotisme dalam perlembagaan. Pada tahap tinggi iaitu nilai skor min berada diantara 4.05-4.71 dalam setiap item konsep patriotisme. Nilai skor min ini adalah merujuk kepada jadual skor min Nunnally dan Bernstein (1994). Konstruk patriotisme dalam perlembagaan item pengukuran soalan pertama "Saya mengetahui fungsi perlembagaan persekutuan" responden yang sangat setuju adalah 70.72%. Skor nilai min pada item soalan pertama adalah 4.71 menunjukkan interpretasi yang sangat tinggi. Soalan pengukuran kedua iaitu, "Saya memahami kepentingan perlembagaan persekutuan sebagai seorang pemimpin pendidikan" terdapat 52.47% setuju dan 39.16 % responden sangat setuju. Skor min pada item soalan kedua adalah 4.31 menunjukkan interpretasi adalah tinggi. "Saya dapat menjelaskan konsep kontrak sosial dan perkaitannya dengan perlembagaan persekutuan" responden yang setuju 56.27%. Nilai skor min pada item soalan ketiga adalah 4.05 adalah menunjukkan interpretasi yang tinggi. Soalan keempat iaitu "Saya dapat menghuraikan kerangka asas perlembagaan persekutuan" 52.09% responden setuju. Nilai min pada item soalan keempat adalah 4.18 menunjukkan interpretasi yang tinggi. "Saya bersedia untuk menyebarkan asas perlembagaan persekutuan" 66.15% responden sangat setuju dengan item soalan yang ditanya. Nilai skor min adalah 4.66 menunjukkan interpretasi yang tinggi.

Secara keseluruhannya menunjukkan skor min bagi kedua-dua konstruk dan 10 item yang diuji adalah tinggi yang mana masing-masing mencatatkan nilai 4.45 dan nilai 4.38 mendapat skor min yang telah mencatatkan nilai purata min 4.01 ke atas. Ini jelas membuktikan bahawa usaha penerapan, pemupukan semangat patriotisme adalah tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia umumnya dan pemimpin sekolah agamanya yang diuji. Penghayatan nilai patriotisme perlu dipupuk agar wujud satu kesinambungan kepada generasi akan datang. Semangat dan nilai patriotisme yang wujud dalam jiwa tokoh-tokoh kemerdekaan yang lalu juga perlu dipahat dalam jiwa raga masyarakat. Semangat sayangkan tanah air dan jiwa patriotik pemimpin sekolah agama akan menyemai unsur-unsur penerapan nilai patriotisme dan semangat sayangkan tanah air kepada warga sekolah yang akan dapat memberikan sumbangan kearah kemakmuran negara secara bersama demi kelangsungan dan wawasan kemakmuran bersama yang dihasratkan (Yong Hie Hie & Ku Hasnita Ku Samsu, 2019). Hal ini kerana, patriotisme bukan sekadar semangat tetapi lebih dari itu dan ia merupakan sesuatu yang agung melibatkan soal kesetiaan, kewarganegaraan, jati diri, keyakinan, keberanian, kemerdekaan dan kedaulatan sebuah negara bangsa.

Kesimpulan

Pemimpin sekolah agama yang terdiri daripada pengetua dan guru besar mempunyai tahap pengetahuan patriotisme yang baik. Penghayatan nilai patriotisme perlu diberikan penghayatan yang maksimum agar perkembangan personaliti yang seimbang dapat dikekalkan. Hal ini kerana, penerapan nilai patriotisme adalah proses pembelajaran sepanjang hayat dan menjadi tanggungjawab semua pihak termasuklah pemimpin sekolah yang merupakan agen perubahan di sekolah. Oleh itu, semangat patriotisme perlu ditambah nilai daripada semasa ke semasa secara konsisten agar semangat patriotik tersebut tidak mudah pudar dan terhakis dalam jiwa setiap individu. Justeru, berdasarkan kepada dapatan-dapatan yang telah diperolehi, beberapa cadangan dikemukakan oleh pengkaji sebagai maklumbalas kepada kajian yang telah dijalankan. Antaranya ialah memperkasakan program patriotisme berimpak tinggi di peringkat sekolah terutamanya pra sekolah, sekolah kebangsaan, sekolah agama, sekolah jenis kebangsaan dan institusi pendidikan awam dan institusi pendidikan swasta mahupun diperingkat luar memandangkan pelajar cenderung untuk melibatkan diri dalam program berkenaan. Selain itu, kajian-kajian lanjutan boleh diteruskan dan bertumpu kepada sasaran sampel yang berlainan daripada kajian ini. Penyelidik mempunyai harapan yang optimis terhadap tajuk kajian ini perlu disusuli dengan komitmen daripada semua pihak agar penghayatan semangat patriotisme dapat diperjuangkan, berlandaskan idealogi negara iaitu Rukun Negara.

Penghargaan: Terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, dan semua pihak yang menjayakan kajian ini.

Persetujuan Termaklum: Persetujuan telah di perolehi daripada semua responden yang terlibat dalam kajian ini.

Konflik Kepentingan: Artikel ini tiada konflik kepentingan dengan mana mana pihak

Rujukan

- Abd Rahim Abd Rashid. (2004). *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Hamid, J., Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W., Sharif Adam, S. D., Mohd Tamring, B. A., & Hajimin, M. N. H. H. (2021). Penerapan patriotisme dalam kalangan guru-guru sejarah sekolah menengah di sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 42-56.
- Abdullah, M. S., Ismail, M. M., & Mohd Noor, M. (2016). Kesepaduan sosial dan kejiranan di kawasan rukun tetangga. *Jurnal Kinabalu*, 19. <https://doi.org/10.51200/ejk.v19i0.503>
- Ahmad, H. H., & Hamid, H. A. (2017). Pengurusan pembangunan konsep perpaduan dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan satu kajian di Klang, Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(4), 1-15.
- Aziz, Abd Rahman Abd. (2009). *Ruang Bicara Semangat Patriotisme*. Dlm Abdul Rahman Abdul Aziz (Ed.), *Patriotisme Kemandirian Kita* (Pertama., Hlm. 1–21). Kedah: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Universiti Utara Malaysia.
- Bas, M. (2016). The evaluation of the university students patriotism levels according to gender, age, family structure and sports activities. *European Journal of Education Studies*. 2(2): 34-43.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage Publications Ltd.
- Embi, M. A., & Abd Hamid, A. F. B. H. (2005). Kepercayaan mahasiswa terhadap kerajaan. *Jurnal demokrasi*, 4(1).
- Gill, S. S., Ramli, M. R., & Talib, A. T. (2015). Kesedaran patriotik dalam kalangan belia bandar di Semenanjung Malaysia. *KRITIS: Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universitas Hasanuddin*, 111-120.
- Hasni, W., Raja, Y. M., & Kadir, R. (2013). Amalan patriotisme melalui unsur-unsur sejarah tanahair dalam pendidikan pra-sekolah. Dalam *international Conference on Early Childhood Education*, IPG Kampus Sultan Mizan.
- Hie, Y. H., & Samsu, K. H. K. (2019). Sikap negatif guru sebagai penghalang kepada pembentukan perpaduan etnik di sekolah. *Akademika*, 89(1), 149-159.
- Hussiin, H. (2009). *Artikel kenegaraan dan hubungan etnik*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Irma Wani, O., Hasbullah, A., Muhammad Safuan, Y., & Herlina, J. (2017). Socioculture influence among International Students at Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Journal of Information System and Technology Management*, 2(3), 01-06.
- Johari, M. E., & Muhamad, N. (2022). Kepentingan Elemen Patriotisme dalam Pendidikan Islam Sekolah Menengah. *Firdaus Journal*, 2(1), 1-14.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muslim, N. (2011). *Islam dan Orang Melayu menurut perlembagaan dalam konteks hubungan etnik: Kajian ke atas pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam* (Doctoral dissertation, Tesis PhD, Universiti Malaya).
- Muslim, N., & Alias, J. (2004). Patriotisme: Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisasi (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.

- Nunnally, J. C., & Bernstein, C. (2007). *IH (1994). Psychometric theory. New York: McGraw-Hill.*
- Othman, M. K., & Suhid, A. (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies, 11(1)*, 117-130.
- Ramli, M. R., Abdullah, M. S., Samsi, A. H., & Azzis, M. S. A. (2020). Pengetahuan dan pengamalan nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat peribumi di Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 81-81.
- Samsu, K. H. K., & Nor, M. H. M. (2011). Kepentingan pendidikan patriotisme terhadap warganegara Malaysia (the importance of patriotic education for Malaysian citizens). *Jati-Journal of Southeast Asian Studies, 16*, 23-34.
- Seman, A. A., Ahmad, A. R., Aziz, Z., & Ayudin, A. R. (2011). The effectiveness of teaching and learning history based on multicultural towards national integration in Malaysia. *Procedia Computer Science, 3*, 1588-1596.
- Seman, A. A., Ahmad, A. R., Rahman, A. A. A., & Kimi, W. B. (2016, January). Peranan guru dan pelajar dalam membentuk hubungan etnik di sekolah. In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education (Vol. 1, pp. 64-78)*.
- Zainal, N. A., Salleh, M. A. M., & Mahmud, W. A. W. (2020). Impak media baharu terhadap patriotisme belia di Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar, 23(1)*.